

MESYUARAT PEMERINTAHAN PANGlima WILAYAH UDARA 1 SIRI 1/2018

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3392-mesyuarat-pemerintahan-panglima-wilayah-udara-1-siri-1-2018

MELAKA, 26 Apr 18 - Mesyuarat Pemerintahan Panglima Wilayah Udara 1 Siri 1/2018 telah dilaksanakan dengan jayanya di A Famosa Golf Resort, Alor Gajah Melaka. Perasmian penutup mesyuarat yang bersidang selama 3 hari bermula pada 24 hingga 26 Apr 18 telah disempurnakan oleh Panglima Markas Wilayah Udara 1, YBhg Mej Jen Datuk Hj Romlee bin Hj Yahaya TUDM.

Mesyuarat pada kali ini merangkumi intipati pengisian yang padat seperti *Command Safety Meeting* penggal Pertama, taklimat daripada pensyarah jemputan berkaitan teras kesiagaan TUDM seperti *Trilateral Air Patrol*, CAPDEV 50, ancaman keselamatan cyber dan taklimat isu semasa cabaran dan hala tuju yang disampaikan oleh semua Komander Pangkalan dan Pegawai Memerintah unit di bawah naungan MAWILUD 1.

